

# Terowong SMART

## bakal pulihkan imej Kuala Lumpur

BANJIR kilat adalah antara bencana yang sinonim dengan kota Kuala Lumpur tatkala berlakunya hujan lebat. Apabila bencana itu melanda, warga kota bukan sahaja mengalami kerugian akibat kerosakan yang bemilai-berjuta-juta ringgit, malah ia melumpuhkan sebahagian besar sistem pengangkutan jalan raya.

Ia turut mencetuskan suasana huru-hara sekali gus menekan keseimbangan ekonomi Kuala Lumpur.

Kemunculan projek Terowong Jalan dan Pengurusan Air Banjir (SMART) bernilai RM1.9 bilion antara Jalan Chan Sow Lin dan Jalan Ampang yang akan memulakan operasinya mulai Jun tahun depan di harap menjadi penyelamat kepada Kuala Lumpur.

Namun, dalam kemegahan negara menyambut baik pelaksanaan projek sepanjang 9.7 kilometer itu, ada juga pihak yang mempertikaikan keupayaan terowong dwi fungsi itu.

Bolehkah SMART menangani masalah banjir dan kesesakan lalu lintas yang sering melanda ibu kota?

Atau selamatkah pengguna apabila berada dalam 'perut' SMART iaitu terowong terbesar di Asia Tenggara?


Wartawan *Utusan Malaysia*, **ZANIFAH MD.NOR** dan jurugambar **DJOHAN SHAHRIN SHAH** cuba menghuraikan persoalan itu dan mendapatkan gambaran jelas tentang ciri-ciri keselamatan projek tersebut.

**"S**MART Tunnel dijamin selamat untuk kegunaan orang ramai kerana ia dilengkapi pelbagai ciri keselamatan moden," tegas Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Keizrul Abdullah. Pengakuan Keizrul yang merupakan 'orang kuat' di sebalik pembinaan projek berskala mega Terowong Jalan dan Pengurusan Air Banjir (SMART) yang bakal siap pada Jun tahun depan

itu sekurang-kurangnya melegakan banyak pihak.

Keizrul berharap warga kota memberikan keyakinan penuh terhadap keupayaan SMART menangani masalah banjir kilat dan kesesakan lalu lintas yang sering melanda ibu kota setiap kali hujan lebat.

"Tiada apa yang perlu dirisaukan apabila menggunakan SMART kerana semua aspek keselamatan telah diambil kira ketika kami mencipta dan mereka bentuk terowong dwi fungsi terbesar di



KEIZRUL ABDULLAH

Asia Tenggara itu," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Keselamatan SMART boleh dilihat pada reka bentuk utamanya yang mengandungi dua dek atas dan bawah yang dibuat laluan sehalu.

"Dek atas merupakan dua laluan sehalu dari Kuala Lumpur (Jalan Tun Razak) ke Sungai Besi manakala dek tengah pula menempatkan dua laluan sehalu dari Sungai Besi ke Jalan Tun Razak.

"Laluan sehalu tidak mengakibatkan

kenderaan bertembung. Ia secara tidak langsung mengurangkan kebarangkalian berlakunya kemalangan atau kesesakan dalam terowong," jelasnya.

Tambah Keizrul, laluan terowong dibina berdasarkan aliran laluan air iaitu dari Jalan Ampang ke Taman Desa.

Terowong lalu lintas sedalam 30 meter dan setinggi bangunan empat tingkat itu juga hanya menerima kenderaan ringan yang mempunyai ketinggian kurang dua meter.

"Kita menghadkan jenis kenderaan yang dibenarkan melaluinya. Lori bermuatan berat melebihi ketinggian dua meter dan motosikal tidak dibenarkan melalui SMART Tunnel.

"Langkah itu bertujuan mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diinginkan berlaku," tegasnya.

Bagi memastikan peredaran udara sentiasa selamat, SMART mempunyai beberapa syaf kecemasan sebagai penghubung dek atas dan bawah di setiap 250 meter laluan yang dilengkapi lif bomba, tangga kecemasan, alat telekomunikasi dan peralatan bantuan kecemasan.

"Jika berlaku sebarang kebakaran pada kenderaan sama ada di dek atas atau bawah, pengguna boleh menggunakan syaf penghubung untuk naik ke dek atas atau turun ke bawah.

"Setiap satu kilometer pula dilengkapi